

# Majlis khas raikan sumbangan Mahathir bangunkan Perkongsian Bestari

UM 14 AUG 2003

EZULWINI (Swaziland) 13 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Global-SAID 2003) buat kali terakhir atas kapasiti sebagai Perdana Menteri akan diraikan pada 'majlis khas' pada Sabtu ini.

*Utusan Malaysia* difahamkan Raja Swaziland, Raja Mswati III sebagai tuan rumah Global-SAID 2003 sedang merancang sesuatu yang menarik dan khas sebagai tanda menghargai sumbangan Dr. Mahathir dalam membangunkan Gerakan Perkongsian Bestari.

Pengerusi Pakatan Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM), Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman memberitahu: "Saya difahamkan ada acara diatitkan sempena dialog kali ini, namun ia masih rahsia. Kita kena tunggu untuk melihatnya."

Dr. Mahathir, pencetus idea dan konsep perkongsian bestari menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diadakan sejak 1995 dan ia kemudian berkembang ke rantau Afrika dan Caribbean, menghadiri dialog selama empat hari yang bermula hari ini.

Oleh kerana akan bersara daripada jawatan kerajaan dan parti pada Oktober ini, pertemuan di sini merupakan terakhir bagi beliau atas kapasiti sebagai Perdana Menteri.

Bagaimanapun beliau pernah menyatakan komitmen bahawa akan terus menghadiri dan menyokong Gerakan Perkongsian Bestari.

Omar yang juga bekas Penasihat Sains kepada Dr. Mahathir memberitahu, bekas Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath Ramphal menyifatkan Dr. Mahathir sebagai "hero negara-negara membangun kerana menyuarakan pandangan dengan penuh kredibiliti dan memiliki pengetahuan mengenai keberkesanan proses globalisasi."

Kata Omar, Ramphal yang memberikan pandangan secara spontan dalam sesi khas perbincangan memabitkan jawatankuasa penganjur Global-SAID 2003 di sini semalam, menyifatkan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai sesuatu isu.

Ramphal kali pertama menghadiri di-alog perkongsian bestari.

*Utusan Malaysia* difahamkan Ramphal mengaitkan pendirian dan pandangan Dr. Mahathir dengan isu-isu yang timbul ekoran proses globalisasi dan pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Sedunia (WTO).

Global-SAID 2003 dijangka akan mengeluarkan kenyataan bersama khas sempena mesyuarat menteri-menteri perdagangan bulan depan.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir yang ditemui selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Matsapha, Manzini dekat sini berkata, dialog perkongsian bestari harus diteruskan meskipun beliau bersara selepas Oktober ini.

"Saya merasakan begitu (harus diteruskan). Dialog ini bukan kerana saya, ia kerana (diusahakan) oleh Malaysia," kata beliau ketika ditanya soalan mengenai masa depan Global-SAID '03.

Beliau juga gembira kerana Gerakan Perkongsian Bestari terus mendapat sambutan banyak negara termasuk bilangan kehadiran meningkat pada tahun ini. — *Utusan*